

# **MPU 13012**

# **PENDIDIKAN ISLAM**



# **HPK 1**

Menunjukkan dengan yakin amalan Islam dalam kehidupan seharian seorang muslim. ( A1 , CLS 3d )

## **PENILAIAN**

- ❖ E-Folio (30%)
- ❖ Tunjuk Cara (20%)

# **TOPIK 2: SYARIAT ISLAMIYAH**

- 2.1 Menjelaskan konsep ibadah.**
- 2.2 Mengenalpasti konsep taharah.**
- 2.3 Menunjukkan pelaksanaan ibadah solat.**
- 2.4 Menghuraikan konsep fardhu kifayah.**

## 2.1 KONSEP IBADAH

### Pengertian Ibadah

**Bahasa** : Berasal daripada perkataan Arab ‘abada, iaitu tunduk, patuh dan taat

**Istilah** : Taat, tunduk, patuh dan merendah diri kepada Allah. Jelasnya, ibadah ialah pengabdian diri sepenuhnya kepada Allah S.W.T.



# Dalil

Al-Quran menjelaskan bahawa ibadah sebagai ubudiyah dan ketaatan.

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَنُوا أَكْلُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ وَآشْكُرُوا لِلَّهِ إِنْ كُنْتُمْ إِيمَانَهُ تَعْبُدُونَ

Firman Allah

“Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah dari benda-benda yang baik (yang halal) yang telah Kami berikan kepada kamu dan bersyukurlah kepada Allah, jika betul kamu bersyukurlah kepada Allah, jika betul kamu hanya beribadat kepadanya”. (Al-Baqarah : 172)

# Kepentingan Ibadah




- Tanda keyakinan hamba kepada *Khaliq* atau Pencipta
- Membentuk keperibadian yang mulia
- Menjamin kualiti hidup
- Menjana ummah bersatu padu

# Pembahagian Ibadah

## Ibadah umum

Segala perkara atau amalan selain daripada kumpulan ibadah khusus di atas di mana ia dilakukan semata-mata untuk mencari keredhaan ALLAH S.W.T. Ini termasuklah seluruh perbuatan manusia dalam kehidupan sehariannya.



## Ibadah Khusus

Perkara yang wajib dilakukan oleh orang Islam sebagai satu cara mengabdikan diri kepada ALLAH S.W.T. Ia merupakan perintah-perintah yang wajib dilakukan sebagaimana yang terkandung dalam Rukun Islam.

# Contoh Ibadah Umum

Mengurus jenazah



Bersukan




Berziarah



Belajar

# Contoh Ibadah Khusus




Solat



Menunaikan haji

# Syarat-syarat amalan menjadi Ibadah



Amalan-amalan yang dilakukan mestilah diakui Islam

Niat kerana Allah

Perkara yang dilakukan mengikut syariat

Pelaksanaannya harus sesuai syariat

## 2.2 KONSEP TAHARAH

Konsep taharah (bersuci) merangkumi perkara-perkara berikut :

### 2.2.1

- Pengertian taharah
- Hukum dan dalil taharah
- Pembahagian taharah
- Alatan untuk taharah
- Air dan pembahagiannya

### 2.2.2

- Jenis-jenis najis
- Kaedah menyucikan najis

### 2.2.3

- Jenis-jenis hadas
- Kaedah menyucikan hadas

### 2.2.4

- Pelaksanaan taharah dalam keadaan tertentu


# Pengertian taharah

Bahasa

طهارة Bersuci

Istilah syarak

Membersihkan diri, pakaian dan tempat daripada kekotoran hadas dan najis dengan cara dan alat yang ditentukan syarak.



# Hukum dan Dalil

Hukum bersuci

Dalil al-Quran

Dalil al-Hadis

Wajib

وَثِيَابَكَ فَطَهِّرْ وَالرُّجْزَ فَاهْجُرْ

Maksudnya: “*Dan pakaiannya bersihkanlah  
dan perbuatan dosa tinggalkanlah*”

Surat Al-Muddatsir ayat 4-5

وَلَا تُقْبِلْ صَلَاةً بِغَيْرِ طَهُورٍ

Maksudnya: “*Allah tidak menerima solat  
yang tidak dengan bersuci*”

( H . R Muslim )

# Bahagian taharah

## Bersuci daripada Hadas

Hadas terbahagi kepada 2 ;

- 1) Hadas kecil
- 2) Hadas besar

## Bersuci daripada Najis

Najis terbahagi kepada 3 ;

- 1) Najis ringan
- 2) Najis pertengahan
- 3) Najis berat

# Alat-alat taharah

## 1) Air mutlak

Digunakan untuk menyuci najis, mengangkat hadas dan lain-lain lagi.

## 2) Debu-debu tanah yang bersih

Digunakan untuk tayammum ketika ketiadaan air atau tidak dapat menggunakan air kerana sakit dan sebagainya.

## 3) Benda-benda kesat spt kayu, batu dan sebagainya

Digunakan untuk menyucikan tempat-tempat keluar najis dari saluran najis bahagian hadapan dan belakang (beristikjak).

## 4) Bahan peluntur yang bersifat tajam spt tawas, kapur dll

Digunakan untuk menyucikan kulit-kulit binatang yang selain daripada babi dan anjing (samak).

# Air dan pembahagiannya

## i. Air Mutlak

- Air yang suci pada dirinya dan menyucikan yang lain.
- Boleh diminum dan dibuat bersuci.
- Contoh: air hujan, air laut, air sungai, air perigi, air mata air, air salji dan air embun.

## ii. Air Mustakmal

- Air yang suci pada dirinya tetapi tidak menyucikan yang lain.
- Boleh diminum dan membasuh benda yang bukan najis shj.
- Air (kurang 2 kolah) yang sudah terpakai untuk mengangkat hadas.

# Air dan pembahagiannya

## iii. Air Mutaghoyyir

- Air yang suci tetapi tidak menyucikan.
- Air yang telah berubah salah satu sifatnya (warna, rasa atau bau) kerana bercampur dgn sesuatu yang suci.
- Contoh: Air kopi, air teh dan sebagainya

## iv. Air Muqaiyad

- Air yang suci tetapi tidak menyucikan.
- Air tumbuh-tumbuhan atau buah-buahan.
- Contoh: air kelapa, air anggur, jus oren dan sebagainya.

# Air dan pembahagiannya


## v. Air Musyammas

- Air yang suci dan menyucikan yang lain tetapi makruh penggunaannya pada badan.
- Air yang terjemur pada matahari dalam bekas selain daripada bekas emas dan perak.

## vi. Air Mutanajjis

- Air yang kurang 2 kolah yang telah terkena najis.
- Tidak suci pada dirinya dan tidak menyucikan yang lain.

# Jenis-jenis najis



# Kaedah menyucikan najis

## Mughallazah

- Buang fizikal najis.
- Basuh dengan air yang bercampur tanah 1 kali dan 6 kali dengan air mutlak.

## Mutawassitah

- Hilangkan fizikal najis.
- Basuh tempat yang terkena najis sehingga hilang bau, rasa dan warna.
- Siram dengan air sehingga bersih.

## Mukhaffafah

- Dipercikkan air ke atas tempat yang terkena najis.
- Lap hingga kering tanpa perlu mengalirkan airnya.

# Istinjak

Istinjak merupakan salah satu kaedah menyucikan najis mutawassitah pada kemaluan.


## Definisi Istinjak

Membersihkan tempat keluar najis iaitu qubul dan dubur dengan menggunakan air mutlak

## Hukum

Wajib

# Istinjak



# Syarat beristinjak dengan benda kesat

- Benda itu kering spt batu, kayu dan sebagainya.
- Bukan benda yang bertulis dengan ayat al-Quran, Hadis dan seumpamanya.
- Bukan benda yang dihormati spt makanan, tulang, pakaian dan sebagainya.
- Najis yang keluar tidak melecer ke tempat lain.
- Sekurang-kurangnya dengan 3 biji batu atau sebiji batu yang 3 segi.




# Samak

Cara menyamak kulit binatang ialah:

- Terlebih dahulu menghilangkan lendir, lemak, darah dan daging atau lainnya daripada benda yang boleh membusukkan yang terlekat pada kulit tersebut.
- Kemudian disamak iaitu menggosokkannya dengan menggunakan sesuatu yang tajam rasanya dan yang kelat seperti bahan pelentur, tawas dll.
- Selepas itu kulit-kulit binatang tersebut hendaklah dijemur sehingga kering dan jika ada bulu yang sedikit maka ia adalah dimaafkan.



# Jenis-jenis hadas



# Perkara yang dilarang ketika hadas

## Hadas kecil

- Solat.
- Sujud tilawah atau sujud syukur.
- Sentuh al-Quran.
- Baca Khutbah Jumaat.
- Tawaf di Kaabah.

## Hadas besar

- Semua perkara yang dilarang ketika hadas kecil.
- Baca al-Quran (kecuali dgn niat zikir).
- Iktikaf di masjid.
- Puasa.
- Bersehubungan.
- Bercerai.

# Kaedah menyucikan hadas

## Hadas kecil

- Bersihkan badan dari najis.
- Menyucikannya dengan berwuduk atau bertayammum.



## Hadas besar

- Bersihkan badan dari najis.
- Menyucikannya dengan mandi wajib atau bertayammum.



# Wuduk

## Definisi

- Bahasa : “وضوء” *Diya*: Indah, bercahaya.
- Istilah Syarak : Membasuh beberapa anggota badan yang tertentu dengan menggunakan air yang dimulai dengan niat.


## Dalil

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا قُمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوا وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيكُمْ إِلَى الْمَرَافِقِ وَامْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ

Artinya : "Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu hendak melaksanakan solat, maka basuhlah wajahmu dan tanganmu sampai ke siku, dan sapulah kepalamu dan (basuh) kedua kakimu sampai ke kedua mata kaki".

(Al-Maidah :6)

# Wuduk



# Rukun wuduk

## Rukun wuduk ada enam:

1 Niat iaitu “sahaja aku berwuduk/mengangkat hadas kecil kerana Allah”.

3 Membasuh kedua tangan hingga ke siku

5 Membasuh kedua kaki hingga ke buku lali

2

Membasuh muka

4

Membasuh sebahagian kepala

6

Tertib iaitu mengikut urutan 1 hingga 5



# Wuduk

## Sunat wuduk

- ✓ Membaca Bismillah sebelum berwuduk.
- ✓ Membasuh tapak tangan hingga pergelangan tangan.
- ✓ Berkumur-kumur dan membersihkan hidung.
- ✓ Mendahului anggota kanan.
- ✓ Tidak berkata-kata ketika wuduk.
- ✓ Menghadap kiblat.
- ✓ Menggosok gigi (bersugi).

## Perkara yang membatalkan wuduk

- ✓ Keluar sesuatu dari qubul dan dubur walaupun hanya angin.
- ✓ Hilang akal kerana mabuk, sakit, gila atau pengsan.
- ✓ Bersentuh kulit antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram.
- ✓ Menyentuh kemaluan qubul atau dubur dengan tapak tangan.
- ✓ Tidur yang tidak tetap kedudukannya.


# Mandi wajib

Definisi :

- Mengalirkan air ke atas badan dengan niat yang tertentu.
- Mandi kerana berlakunya perkara-perkara yang mewajibkan mandi.

Rukun :

- Menghilangkan najis terlebih dahulu jika ada pada badan sebelum mandi.
- Niat (ketika mula membasuh anggota badan).
- Meratakan air ke seluruh badan yang zahir termasuk kulit atau rambut (bulu-bulu).



# Cara mandi wajib mengikut sunnah

01

- Niat ketika air sampai ke tubuh

02

- Membaca “Bismillah”

03

- Mencuci tangan sebanyak tiga kali

04

- Mencuci kemaluan  
(disunatkan mencangkung)

05

- Membersihkan tangan kiri dengan sabun

06

- Berwuduk

07

- Mengusap rambut dan basuh kepala 3 kali dengan air

08

- Memulakan dengan bahagian kanan tubuh


09

- Meratakan air ke seluruh tubuh badan

# Taharah dalam keadaan tertentu

Terdapat beberapa situasi tertentu yang memerlukan cara yang berbeza untuk bersuci daripada hadas, antaranya :

- Bersuci ketika ketiadaan air atau sukar mendapatkan air (bertayammum).
- Berwuduk bagi pesakit yang tidak memerlukan bantuan orang lain.
- Berwuduk bagi pesakit yang memerlukan bantuan orang lain.
- Berwuduk bagi pesakit yang anggota wuduknya tidak boleh dikenakan air sama ada sebahagian atau keseluruhan.
- Berwuduk bagi pesakit yang anggota wuduknya yang berbalut sama ada sebahagian atau keseluruhan.



Hanya beberapa situasi shj yg dibincangkan

# Tayammum


## Definisi tayammum

Menyapu debu tanah yang suci ke muka dan kedua-dua tangan hingga ke siku dengan beberapa syarat dan disertai dengan niat.

## Sebab tayammum

Menggantikan wuduk atau mandi hadas disebabkan keuzuran seperti :

- ✓ Ketiadaan air
- ✓ Air terlalu jauh daripadanya
- ✓ Keuzuran kerana sakit
- ✓ Cuaca yang terlalu sejuk



# Tayammum

- Niat. “*Sahaja aku bertayammum untuk membolehkan solat kerana Allah Taala*”
- Menyapu debu tanah ke muka.
- Menyapu debu tanah kepada kedua-dua belah tangan hingga ke siku.
- Tertib.

Rukun  
tayammum

Syarat  
tayammum

- Bertayammum apabila masuk waktu solat.
- Telah berusaha mendapatkan air atau tidak dapat menggunakan air.
- Menggunakan debu tanah yang suci dan bukan mustakmal.
- Sekali bertayammum untuk satu solat.
- Menghilangkan najis terlebih dahulu.

# Cara tayammum

1

## Niat dan menyapu muka

### Langkah 1:

Menepuk dua tapak tangan pada debu tanah kali pertama untuk menyapu muka.




### Langkah 2:

Memindahkan debu tanah.



### Langkah 3:

Menyapu muka beserta dengan niat.



# Cara tayammum

2

## Menyapu tangan kanan

### Langkah 1:

Menepuk dua tapak tangan ke debu tanah pada kali kedua untuk menyapu kedua tangan.



### Langkah 2:

Memindahkan debu tanah.



### Langkah 3:

Menyapu bahagian tangan kanan sebelah belakang tapak tangan kanan dengan menggunakan empat perut jari tangan kiri (selain ibu jari) dari hujung jari hingga ke siku.



# Cara tayammum

3

## Menyapu tangan kiri

### Langkah 1:

Menepuk dua tapak tangan ke debu tanah pada kali kedua untuk menyapu kedua tangan.



### Langkah 2:

Memindahkan debu tanah.



### Langkah 3:

Menyapu bahagian tangan kiri sebelah belakang tapak tangan kiri dengan menggunakan empat perut jari tangan kanan (selain ibu jari) dari hujung jari hingga ke siku.



# Cara wuduk bagi pesakit

## 1. Niat dan membasuh muka

### Langkah 1:

Tadah air pada tapak tangan dan kemudian alirkan air ke muka beserta dengan niat; atau

### Langkah 2:

Semburkan air terus ke muka beserta dengan berniat. Kemudian ratakan air ke seluru muka.




## 2. Membasuh kedua tangan

### Langkah 1:

Tadah air pada tapak tangan dan kemudian alirkan air ke tangan dari hujung jari hingga ke siku ; atau

### Langkah 2:

Semburkan air terus ke tangan dan ratakan air ke tangan hingga ke siku.



# Cara wuduk bagi pesakit

## 3. Menyapu sebahagian kepala

**Langkah 1:**  
Basahkan sedikit tapak tangan dan kemudian sapu di kepala; atau



**Langkah 2:**  
Sembur air terus ke kepala.




## 4. Menyapu kedua Kaki

**Langkah 1:**  
Tadah air pada tapak tangan, kemudian alirkan ke kaki atau sembur air terus ke kaki.



**Langkah 2:**  
Ratakan air ke seluruh bahagian kaki hingga meliputi buku lali. Lakukan pada kedua belah kaki kanan dan kiri.



## 2.3 PELAKSANAAN IBADAH SOLAT


### Pengertian Solat

**Bahasa** : Doa, iaitu memohon kepada Allah apa-apa permintaan.

**Istilah** : Bacaan dan perbuatan yang dimulakan dengan takbir dan diakhiri dengan salam, terkandung didalamnya memuji memuja, bertasbih berdoa ketika menghadap Allah SWT.



# Kedudukan Solat dalam Islam



Solat merupakan rukun Islam kedua selepas mengucap dua kalimah syahadah.

Meninggalkan solat serta ingkarkan kewajipannya menjadi kafir.

Meninggalkan solat dengan sengaja serta percaya kewajipannya dengan tidak menafikan daripada perintah agama adalah berdosa besar.

# Kepentingan Solat

- 1 • Hubungan secara langsung antara hamba dengan tuhannya.
- 2 • Tanda kasih sayang hamba kepada tuhannya.
- 3 • Amalan pertama yang dihisab pada hari kiamat kelak.
- 4 • Manusia dapat mengingati Allah.
- 5 • Dapat menghidupkan pengakuan iman di dalam hati.
- 6 • Tambah keyakinan pada Rasul dan kitab Allah.

# Syarat wajib Solat


Islam

Berakal

Baligh

Suci daripada haid  
dan nifas

# Syarat sah Solat



# Waktu Solat

SOLAT	WAKTU MASUK	WAKTU BERAKHIR
Subuh	Terbit fajar sadiq.	Terbit matahari.
Zohor	Gelincir matahari ke arah barat (bayang sesuatu benda berada di sebelah timur).	Bayang-bayang benda menjadi lebih panjang daripada asalnya.
Asar	Bayang-bayang benda menjadi lebih panjang daripada asalnya.	Terbenam seluruh bulatan matahari. Ada cahaya merah di kaki langit.
Maghrib	Terbenam seluruh bulatan matahari. Ada cahaya merah di kaki langit.	Hilang cahaya merah di kaki langit.
Isyak	Hilang cahaya merah di kaki langit.	Terbit fajar sadiq.

# Rukun Solat

Bil	Rukun solat	Jenis rukun
1	Niat dalam hati	Qalbi
2	Berdiri bagi yang berkemampuan	Fi'li
3	Takbiratul Ihram	Qauli
4	Baca al-Fatihah	Qauli
5	Rukuk dengan tamakniah	Fi'li
6	Iktidal dengan tamakniah	Fi'li
7	Sujud dengan tamakniah	Fi'li

Bil	Rukun solat	Jenis rukun
8	Duduk antara dua sujud dengan tamakniah	Fi'li
9	Duduk Tahiyat Akhir	Fi'li
10	Membaca Tahiyat Akhir	Qauli
	Selawat ke atas Nabi	
11	Muhammad dalam tahiyyat akhir	Qauli
12	Memberi salam	Qauli
13	Tertib	Fi'li

# Perkara Membatalkan Solat

- Keluar atau kedatangan hadas besar atau kecil.
- Makan atau minum walaupun sedikit.
- Melakukan pergerakan di luar rukun solat tiga kali berturut.
- Berubah niat.
- Bercakap dengan sengaja walaupun sedikit.
- Terkena najis yang tidak dimaafkan pada badan pakaian dan tempat solat.
- Beralih arah dari kiblat dengan sengaja (berpaling dada).
- Terbuka aurat dengan sengaja.
- Meninggalkan rukun solat.
- Murtad.

# Sunat Hai'ah

Perkara sunat yang mana jika dilakukan mendapat pahala dan jika ditinggalkan tidak membatalkan solat.

Begitu juga, tidak perlu melakukan sujud sahwai jika meninggalkan perkara sunat hai'ah.

Antaranya:

- ❖ Meletakkan perut tapak tangan di atas tangan kiri dan memegangnya dan meletakkannya di bawah dada atau di bawah pusat
- ❖ Membaca *Ta'awuz*
- ❖ Membaca Doa Iftitah
- ❖ Membaca surah al-Quran
- ❖ Membaca tasbih ketika rukuk dan sujud
- ❖ Duduk Iftirasy dan duduk tawaruk
- ❖ Salam kedua

# Sunat Ab'ad

Perkara sunat yang mana jika dilakukan akan mendapat pahala akan tetapi jika ditinggalkan tidaklah membatalkan solat. Akan tetapi, jika perkara itu ditinggalkan, disunatkan untuk melakukan sujud sahwai di akhir solat.

- ❖ Tahiyat awal (pertama)
- ❖ Selawat dalam tahiyat awal
- ❖ Duduk tahiyat / tasyahud
- ❖ Doa qunut pada rakaat kedua solat Subuh dan pada solat witir yang terakhir sejak malam ke 15 hingga akhir bulan Ramadan.
- ❖ Selawat dalam qunut.
- ❖ Berdiri semasa qunut.
- ❖ Selawat ke atas keluarga Nabi pada tahiyat akhir.

# Solat Ketika Musafir

- Allah mengizinkan Jamak dan Qasar apabila menunaikan solat fardhu Ketika musafir.
- Qasar ialah memendekkan solat empat rakaat kepada dua rakaat.
- Jamak ialah menghimpunkan doa solat fardhu dalam satu waktu dengan syarat tertentu.

# Jamak dan Qasar

## Syarat-syarat :

Musafir perjalanan melebihi 2 marhalah atau lebih 90 km.

Melepas sempadan kawasan tempat tinggal.

Tidak niat bermukim melebihi 4 hari, tidak termasuk perjalanan pergi dan balik.

Tidak berimamkan imam yang sempurna rakaatnya.

Masih dalam musafir ketika mengerjakan solat qasar.

# Solat Qasar

Memendekkan solat empat rakaat kepada dua rakaat iaitu solat Zohor, Asar dan Isyak sahaja.

Niat solat qasar sahaja :

أُصِّلِي فَرْضَ الظُّهُرِ رَكْعَتَيْنِ قَصْرًا لِلَّهِ تَعَالَى


“Sahaja aku solat Fardhu Zohor dua rakaat qasar kerana Allah Taala”

# Jenis Solat Jamak

**Solat Jamak Taqdim**

**Solat Jamak Takhir**

# SOLAT JAMAK



## Cara Jamak Takdim

1. Dimulakan dengan solat waktu pertama iaitu Zohor atau Maghrib.
2. Berniat jamak dalam solat yang pertama.
3. Muwalat, iaitu berturut-turut kedua-dua solat tersebut.
4. Perjalanan masih berterusan sehingga masuk ke solat kedua.

## **Cara Jamak Takhir**

1. Berniat akan melakukan jamak takhir semasa dalam waktu solat pertama (Zohor / Maghrib).
2. Masih dalam perjalanan sehingga kedua-dua solat selesai dilaksanakan.

# Hikmah disyariatkan solat Jamak dan Qasar

1. Memberi keringanan kepada umat Islam untuk menunaikan solat fardu ketika musafir.

2. Tanda kasih sayang Allah kepada kita

3. Supaya seseorang dapat melaksanakan ibadah solat .

4. Menggalakkan umat Islam bermusafir.

## 2.4 FARDHU KIFAYAH

Bahasa

- Kata fardu yang berasal dari kata ‘*fard*’ dalam bahasa Arab, bermaksud ukuran (*al-taqdīr*) dan juga putus (*al-qat’*).

Istilah

- Perbuatan yang dituntut secara tegas oleh syarak kepada mukallaf untuk diamalkan.
- Apabila sebahagian daripada mereka melaksanakannya, maka sebahagian yang lain terlepas daripada kewajiban tersebut.

## CONTOH FARDHU KIFAYAH

Ilmu kedoktoran

Berbuat baik dengan mengajak segala kebaikan  
untuk mencegah kemungkaran

Ilmu tafsir yang mendalam

Ilmu sains

Berjihad bersungguh-sungguh

# Kepentingan Fardhu Kifayah

## Individu

pakar dlm suatu bidang ilmu dan kemahiran

Rajin dan bersungguh menuntut ilmu

meningkatkan taraf hidup keluarga

## Masyarakat

memenuhi keperluan masyarakat Islam

hidup dlm harmoni & bersatu padu

bertambah maju dlm semua bidang kehidupan

## Negara

bertambah maju dalam segenap bidang

Ekonomi negara bertambah mantap

sentiasa aman dan makmur

# Akibat Mengabaikan Fardhu Kifayah

Hidup dalam kemiskinan

Ketinggalan dalam bidang ilmu pengetahuan & ekonomi

Dipandang rendah oleh masyarakat dan negara luar

Terdorong untuk melakukan kejahatan

Tidak diberkati dan diredhai oleh Allah